

# UMS sedia keluar beras organik

DF 8/6/2011 2

**Sherell Ann Jeffrey**

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah sudah bersedia untuk mengeluarkan beras organik yang lebih lazat dan sihat melalui projek Intensifikasi Beras Sistemik (SRI) terbaharunya.

"Ini sebahagian daripada menjadikan bumi ini lebih hijau. Dan kami komuniti UMS, menyedari halangan terbesar adalah untuk mengubah mentaliti rakyat terhadap kesedaran alam sekitar," kata Dekan Sekolah Pertanian Mapan, Profesor Madya Dr. Mahmud Sudin bagi pihak Naib Canselor, Datuk Seri Panglima Dr. Kamaruzaman Hj. Ampon.

Beliau bercakap di perasmian Ladang Contoh Organik yang pertama di Sabah, betul-betul di belakang kampus UMS di sini, Selasa.

Projek itu dianjurkan Pelajar Perusahaan Bebas (SIFE) UMS dengan kerjasama Waynotech Holdings Sdn Bhd. Usaha sama yang diwujudkan pada 2010, telah menghoskan projek itu kepada beberapa masyarakat yang dikenal pasti dengan mendidik mereka tentang Intensifikasi Beras Sistemik (SRI)

dan sistem pengkomposan organik untuk mewujudkan taraf hidup yang lebih mapan dan tinggi.

Tujuan SRI itu adalah untuk mengurangkan penggunaan air sebanyak 50 peratus dan meningkatkan bekalan makanan sebanyak 50 peratus.

Kira-kira 100 pelajar SIFE UMS terlibat dalam projek itu.

"Kita mahu melahirkan para pelajar aktif yang boleh berkhidmat kepada masyarakat dengan sepenuh hati," kata Dr Mahmud.

Turut hadir pada majlis itu ialah CEO Waynotech Holdings, Datuk CK Tan dan Ketua Pegawai Operasinya, Wayne John Fauser, Pengarah Pembangunan Usahawan Pelajar UMS, Mat Salleh Ayub, Penyelaras Projek SIFE UMS, Rohani Abdullah, 27 orang pelajar kejururawatan dari Sekolah Perubatan dan peserta akhir Miss Earth 2011.

Kehadiran para peserta akhir Miss Earth 2011 itu adalah sebagai menyokong dan mempromosi pergerakan hijau ke arah mewujudkan kesedaran tentang pentingnya kemapanan alam sekitar.